

SELANGOR

ENAKMEN No. 7 tahun 1982

BETA PERKENANKAN,

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

29hb Mac 1983

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Perbadanan
Kemajuan Pertanian Selangor 1972.

[6hb Februari 1981.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor
seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Per-
badanan Kemajuan Pertanian Selangor (Pindaan) 1982
dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada
6hb Februari 1981.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 3 Enakmen Perbadanan Kemajuan Per-
tanian Selangor 1972 (kemudian dari ini disebut
"Enakmen Ibu") adalah dengan ini dipinda seperti
berikut:

Pindaan
sksyen 3.

Sel. En. 12/72

(a) dengan menggantikan seksyen-kecil (2) (e)
dengan yang berikut:

"2. (e) tidak lebih daripada lima orang ahli
lain yang dilantik oleh Raja dalam Mesyua-
rat daripada orang-orang yang telah menun-

jukkan kebolehan dalam perkara-perkara berhubung dengan pengeluaran pertanian, pemasaran, kewangan atau pentadbiran :

Dengan syarat bahawa di mana ahli-ahli yang dilantik di bawah seksyen ini melebihi sembilan orang dalam hal perlantikan yang dibuat sebelum 6hb Februari 1981, ahli-ahli itu hendaklah terus menjadi ahli-ahli sehingga tempoh perlantikan mereka masing-masing tamat untuk tempoh tidak lebih daripada setahun mulai dari 6hb Februari 1981, mengikut tempoh mana yang lebih dahulu.”;

(b) dengan memasukkan perenggan (f) baharu selepas sahaja perenggan (e) dalam seksyen-kecil (2):

“(f) tiga wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Perdana Menteri atau oleh mana-mana Menteri yang dinamakan olehnya;” dan

(c) dengan menggantikan seksyen-kecil (4) dengan yang berikut:

“(4) Ahli Perbadanan selain dari ahli-ahli yang dilantik di bawah seksyen-kecil (2) (f) dan mana-mana ahli lain yang dilantik oleh kerana jawatannya, hendaklah, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau perlantikannya dibatalkan, memegang jawatan untuk suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun dan layak dilantik semula :

Dengan syarat bahawa jika seseorang ahli terlebih dahulu meletakkan jawatan atau perlantikannya dibatalkan, seorang lain boleh dilantik bagi menggantikan tempatnya untuk baki tempoh ahli yang digantikan itu”.

Pindaan
seksyen 6.

3. Seksyen 6 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut :

“Per-
selisihan
kepen-
tingan.

6. (1) Tiada seorang pun ahli Perbadanan boleh mempunyai (dan jika ia mempunyai ia hendaklah serta-merta berhenti menjadi ahli sedemikian) apa-apa kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, tersendiri atau melalui saudara-mara, kewangan atau lain-lain-

nya dalam mana-mana skim, projek, enterprais atau kontrak yang sedang dijalankan atau dicadang untuk dijalankan oleh Perbadanan atau di dalam mana-mana perkara yang sedang dirundingkan oleh Perbadanan.

(2) Seksyen-kecil (1) di atas tidak terpakai bagi seorang ahli berhubung dengan kepentingannya dalam sesebuah syarikat atau badan-badan lain yang ia telah dilantik oleh Perbadanan menjadi wakilnya dan di mana Perbadanan atau badan-badan lain itu adalah di bawah kawalan Perbadanan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya.”

4. Seksyen 7 Enakmen Ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut : Pindaan seksyen 7.

“7. (1). Korum bagi sesuatu mesyuarat Perbadanan hendaklah sekurang-kurangnya setengah daripada ahli-ahli Perbadanan dengan keahlian sekurang-kurangnya seorang ahli yang mewakili Kerajaan Persekutuan melainkan bahawa korum hendaklah sekurang-kurangnya dua pertiga dengan kehadiran sekurang-kurangnya seorang ahli yang mewakili Kerajaan Persekutuan di mana mesyuarat menimbang atau memutuskan berhubung dengan perkara-perkara yang disebut dalam seksyen 14B.”

5. Seksyen 10 Enakmen Ibu adalah dipinda :

(i) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) dalam seksyen-kecil (1) perenggan (c) dan (d) seperti berikut : Pindaan seksyen 10

“(c) Pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Perbadanan hendaklah terletak di bawah Pentadbiran dan kawalan Pengurus Besar Perbadanan;

(d) Baik Pengerusi mahupun Timbalan Pengerusi Perbadanan tidak boleh menjadi Pengurus Besar Perbadanan.”

(ii) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen-kecil (4) seksyen-kecil (5) seperti berikut :

“(5) Seorang pegawai atau kakitangan Perbadanan hendaklah tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehinya oleh kerana kedudukannya sebagai seorang

pegawai atau kakitangan Perbadanan untuk mendapat keuntungan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu faedah yang tidak berpatutan bagi diri sendiri atau bagi mana-mana orang lain atau mendatangkan kerugian kepada Perbadanan.”

Seksyen
baharu 12A.

6. Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 12 seksyen baharu 12A seperti berikut :

“Perbadanan 12A. (1) Perbadanan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan oleh Perdana Menteri atau mana-mana Menteri yang dinamakan olehnya.

(2) Perbadanan boleh atas arahan Perdana Menteri atau mana-mana Menteri yang dinamakan olehnya di bawah seksyen-kecil (1) :

(a) menjalankan apa-apa fungsi sesuatu pihak berkuasa kepada Persekutuan; dan

(b) membenarkan kuasa eksekutif Persekutuan diperluaskan kepada Perbadanan.”

Pindaan
seksyen 14.

7. Seksyen 14 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) perenggan (c) baharu seperti berikut :

“(c) Kerajaan Persekutuan boleh membenarkan pemberian wang kepada Perbadanan untuk maksud-maksud melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya.”

Pindaan
seksyen 14A.

8. Seksyen 14A Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut :

“(2) Sebelum bermulanya bulan Julai tiap-tiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Menteri Besar suatu anggaran mengenai perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya mengikut apa-apa bentuk dan mengandungi apa-apa butir-butir seperti yang dikehendaki oleh Menteri Besar; dan Menteri Besar hendaklah sebelum bermulanya bulan September tiap-tiap tahun memberitahu Perbadanan mengenai amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.”

9. Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 14A seksyen 14B baharu:

Seksyen 14B
baharu.

“Pelaburan
dan
pinjaman.

14B. (1) Perbadanan tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melainkan Menteri Kewangan memberi suatu arahan secara am atau secara tertentu di atas perkara:

- (a) menubuhkan atau menggalakkan penubuhan atau pengembangan syarikat-syarikat atau lain-lain badan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti samada di bawah kawalan sepenuhnya atau kawalan sebahagiannya oleh Perbadanan sendiri atau secara bebas;
- (b) memberi bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat, lain-lain pihak berkuasa berkanun, mana-mana badan atau orang dengan mengambil syer-syer atau debenture atau dengan cara pinjaman, pendahuluan, pemberian atau dengan apa-apa cara lain;
- (c) membeli, menanggung atau dengan apa-apa cara lain mengambil apa-apa stok dan syer dalam mana-mana syarikat awam atau sendirian; atau
- (d) meminjam wang atau memberi apa-apa jaminan yang melibatkan tanggungan kewangan.

(2) Di mana Perbadanan menjalankan kuasanya yang ditentukan dalam seksyen 14B (1) di atas atau di mana ia telah mempunyai kawalan sepenuhnya atau sebahagiannya dalam sesuatu syarikat atau lain-lain badan ahli-ahli pengurusan syarikat atau lain-lain badan tersebut hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang pegawai Perbadanan.

(3) Dalam memberi apa-apa persetujuan di bawah seksyen 14B (1) di atas, Menteri Kewangan boleh mengenakan apa-apa had dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Tiada satupun pihak berkuasa berkanun boleh ditubuhkan oleh Perbadanan sama ada di bawah undang-undang yang menubuhkan Perbadanan ini atau di bawah mana-mana undang-undang lain.”

Pindaan
seksyen 15.

10. Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 15 dengan yang berikut :

“Pelaburan. 15. Aset Perbadanan boleh setakat mana yang tidak perlu dibelanjakan oleh Perbadanan di-labur mengikut cara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.”

Pindaan
seksyen 16.

11. Seksyen 16 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut :

“Akaun
dan
audit.

16. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun yang patut dan lain-lain rekod urusan-urusan dan halehwal-halehwal Perbadanan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah membuat apa-apa yang perlu bagi menentukan bahawa semua pendapatan diakaunkan dengan sepatutnya dan semua perbelanjaan-perbelanjaan daripada kumpulanwangnya, termasuk pembayaran-pembayaran gaji-gaji, saraan dan lain-lain faedah kewangan kepada ahli-ahli dan pekerja-pekerja Perbadanan, adalah dibenarkan dengan sepatutnya dan kawalan-kawalan yang mencukupi adalah dikendalikan ke atas harta-harta Perbadanan atau di dalam simpanan Perbadanan dan ke atas apa-apa penanggungan yang dilakukan oleh Perbadanan.

(2) Untuk mencapai objektif-objektif seksyen-kecil (1) di atas Perbadanan hendaklah mematuhi apa-apa peraturan-peraturan yang mungkin diperbuat oleh Menteri Kewangan mengenai perkara-perkara yang ditetapkan dalam perenggan 16 (2). Jadual kedua bagi Akta Perbadanan (Kelayakan Pihak berkuasa Perundangan Negeri), 1962.

(3) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu tahun kewangan yang bermula pada 1hb Januari.

(4) Akaun hendaklah diaudit setiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri Kewangan.

(5) Perbadanan hendaklah dalam masa 6 bulan selepas akhir tiap-tiap tahun kewangan mengaudit akaunnya dan menghantarnya kepada Menteri Kewangan bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah seksyen-kecil (4) di atas apa-apa penyata atau di atas akaun-akaun Perbadanan dan satu salinan laporan tahunan yang tersebut dalam seksyen 17.

(6) Ketua Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan bagi tiap-tiap penyata itu bersama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah seksyen-kecil (4) di atas apa-apa penyata atau akaun-akaun Perbadanan dan satu salinan laporan tahunan yang tersebut di dalam seksyen 17 dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang.”

12. Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 16 seksyen baharu 16A:

Pindaan
seksyen 16.

“Penyiasatan akaun-akaun.

16A. (1) Perdana Menteri atau mana-mana Menteri yang dinamakan olehnya atau Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana orang yang dinamakan olehnya untuk menyiasat buku-buku, akaun-akaun dan urusan-urusan Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah membenarkan orang itu menggunakan buku-buku dan dokumen-dokumen dan hendaklah membekalkan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh orang yang menjalankan penyiasatan itu.

Dengan syarat bahawa buku-buku, akaun-akaun dan dokumen-dokumen itu hendaklah tidak perlu dikeluarkan pada sesuatu masa dan sesuatu tempat yang akan mengganggu perjalanan sempurna urusan harian biasa Perbadanan.”

Pindaan
seksyen 17.

13. Seksyen 17 Enakmen Ibu adalah dipinda :

- (a) dengan menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut :

“Perbadanan hendaklah tidak lewat daripada 30hb Jun selepas tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Perdana Menteri atau seorang Menteri lain yang dinamakan olehnya dan Menteri Besar satu laporan berkenaan dengan aktiviti-aktivitinya dalam tahun terdahulu;” dan

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Raja dalam Mesyuarat” terdapat dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “Menteri Besar”.

Pindaan
seksyen 18.

14. Seksyen 18 Enakmen Ibu adalah dipinda :

- (a) dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut :

“(2) Setelah penggulungan dan pembubaran Perbadanan segala aset Perbadanan hendaklah selepas penjelasan semua tanggungjawab dilupuskan mengikut cara yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri;” dan

- (b) dengan memotong seksyen-kecil (3).

Seksyen 19A
baharu.

15. Enakmen Ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 19 seksyen 19A baharu :

“19A. Perbadanan hendaklah dikecualikan daripada pembayaran cukai setem di bawah Ordinan Setem, 1949 menurut perenggan 22 Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri), 1962.”

16. Seksyen 23 Enakmen Ibu adalah dengan ini dipinda dan digantikan dengan seksyen 23 baharu seperti berikut:

Pindaan
seksyen 23.


“Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
dan kaedah-
kaedah.

23. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Menteri setelah perundingan dengan Menteri Besar, membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan dengan lebih licin peruntukan-peruntukan Enakmen ini yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri), 1962.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah untuk apa-apa maksud lain yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Jadual Kedua Akta Pemerbadanan (Kelayakan Pihak Berkuasa Perundangan Negeri), 1962.”

Diluluskan pada 1hb Disember 1982.
[DUN. Sel. 30051/28 Jld. II; IPK. Sel. (S) 1677 Jld. II.]

MOHAMAD HASHIM BIN MAT AZIZ,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri Selangor



SELANGOR

ENACTMENT No. 7 of 1982

I ASSENT,

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

(STATE SEAL)

29th March 1983

An Enactment to amend the Selangor Agricultural
Development Corporation Enactment 1972.

[6th February 1981.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of
the State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Selangor Agricultural Development Corporation (Amendment) Enactment 1982 and shall be deemed to have come into force on the 6th day of February 1981.

Citation
and com-
mencement.

2. Section 3 of the Selangor Agricultural Development Corporation Enactment 1972 (hereinafter referred to as "the Principal Enactment") is hereby amended as follows:

Amendment
of section 3.
Set. En. 12/72

(a) by substituting for subsection (2) (e) the following:

"2. (e) not more than five other members to be appointed by the Ruler-in-Council from amongst persons who have shown capacity

in matters relating to agricultural production, marketing, finance or administration :

Provided that where the members appointed under this section exceed nine in the case of appointments made before the 6th February 1981 such members shall continue to be members until their respective terms of appointment expire or for not longer than one year from the 6th February 1981, whichever period comes sooner.”;

(b) by inserting new paragraph (f) immediately after paragraph (e) in subsection (2) :

“(f) three representatives of the Federal Government appointed by the Prime Minister or such Minister as may be nominated by him”; and

(c) by substituting for subsection (4) the following :

“(4) A member of the Corporation other than the members appointed under subsection (2) (f) and any other member appointed by virtue of his office, shall, unless he sooner resigns or has his appointment revoked, hold office for a term not exceeding two years and shall be eligible for reappointment :

Provided that if a member resigns or has his appointment sooner revoked another person may be appointed to replace him for the remainder of the term of the member replaced”.

Amendment
of section 6.

3. Section 6 of the Principal Enactment is amended by substituting therefor the following :

“Conflict
of interest.

6. (1) No member of the Corporation shall have (and if he has, he shall forthwith cease to be such a member) any interest, directly or indirectly, personally or through relatives, financial or otherwise in any scheme, project, enterprise or contract undertaken or which is proposed to be undertaken by the Corporation or in any matter under discussion by the Corporation.

(2) Subsection (1) above shall not apply to a member in respect of his interest in a company or other body to which he has been nominated by the Corporation to be its representative and where the Corporation or other body is under the control or partial control of the Corporation."

4. Section 7 of the Principal Enactment is amended by substituting for subsection (1) thereof the following: Amendment of section 7.

"7. (1) The quorum for any meeting of the Corporation shall be at least half of the members of the Corporation with at least one member being a representative of the Federal Government being present except that the quorum shall be at least two-thirds with at least one member being a representative of the Federal Government being present where the meeting deliberates or decides on matters referred to in section 14B."

5. Section 10 of the Principal Enactment is amended: Amendment of section 10.

(i) by inserting after paragraph (b) of subsection (1) the following new paragraph (c) and (d):

"(c) The officers and servants of the Corporation shall be under the administrative control of the General Manager;

(d) Neither the Chairman nor the Deputy Chairman of the Corporation shall be the General Manager of the Corporation."

(ii) by inserting after subsection (4) the following new subsection (5):

"(5) An officer or servant of the Corporation shall not make use of any information acquired by virtue of his position as an officer or servant of the Corporation to gain directly or indirectly an improper advantage for himself or for any other person or to cause detriment to the Corporation."

6. The Principal Enactment is amended by inserting immediately after section 12 the following new section New section 12A.
12A:

"Corporation subject to Minister's direction. 12A. (1) The Corporation shall be subject to any direction of the Prime Minister or such Minister as may be nominated by him.

(2) The Corporation may on the direction of Prime Minister or such Minister nominated under subsection (1):

- (a) perform any function of an authority of the Federation; and
- (b) permit the executive authority of the Federation to extend to the Corporation."

Amendment
of section 14.

7. Section 14 of the Principal Enactment is amended by inserting immediately after paragraph (b) the following new paragraph (c):

"(c) The Federal Government may grant monies to the Corporation for the purpose of it carrying out its functions and duties."

Amendment
of section
14A.

8. Section 14A of the Principal Enactment is amended by substituting for subsection (2) the following:

"(2) Before the beginning of July each year, the Corporation shall submit to the Menteri Besar an estimate of the expenses for the following year in such form and with such particulars as the Menteri Besar may require; and the Menteri Besar shall before the beginning of September of year notify the Corporation of the amount authorised for each description of expenditure."

New
section 14B.

9. The Principal Enactment is amended by inserting immediately after section 14A the new section 14B:

14B. (1) The Corporation shall not, without the prior written consent of the Minister of Finance unless he gives a general or specific direction on the matter:

- (a) establish or promote the establishment or expansion of companies or other bodies to carry on activities either under the control or partial control of the Corporation itself or independently;
- (b) give financial assistance to any company, other statutory authority, any body or person by the taking up of shares or debentures or by way of any loan, advance, grant or otherwise;

(c) purchase, underwrite or otherwise acquire any stock and shares in any public or private company; or

(d) borrow money or enter into any guarantee involving financial liability.

(2) Where the Corporation exercises its power under section 14B (1) above or where it already has control or partial control of a company or other body the members of the management of the company or other body shall comprise not less than one member or one officer of the Corporation.

(3) In giving any consent under section 14B (1) above, the Minister of Finance may impose such terms and conditions as he may deem fit.

(4) No statutory authority shall be established by the Corporation either under the law establishing the Corporation or under any other law."

10. The Principal Enactment is amended by substituting for section 15 the following: Amendment
of section 15.

"Invest-
ment.

15. The assets of the Corporation may in so far as they are not required to be expended by the Corporation, be invested in such manner as may be approved by the Minister of Finance."

11. Section 16 of the Principal Enactment is amended by substituting the following therefor: Amendment
of section 16.

"Accounts
and
audit.

16. (1) The Corporation shall keep proper accounts and other records of the Corporation's transactions and affairs in accordance with generally accepted accounting principles and shall do all things necessary to ensure that all income are properly accounted for and that all expenditures out of its Fund, including payments in respect of salaries, remuneration and other monetary benefits to members of the Corporation and its employees, are properly authorised and that adequate control is maintained over the assets, or in the custody of, the Corporation and over the incurring of any liability by the Corporation.

(2) In order to accomplish the objectives of subsection (1) above the Corporation shall observe any regulations that may be made by the Minister of Finance in respect of matters detailed in paragraph 16 (2) of the Second Schedule of the Incorporation (State Legislatures Competency) Act, 1962.

(3) The Corporation shall have a financial year beginning on 1st January.

(4) The accounts shall be audited annually by the Auditor-General or other auditor appointed by the Corporation with the approval of the Minister of Finance.

(5) The Corporation shall within 6 months after the end of each financial year have its accounts audited and transmitted to the Minister of Finance together with a copy of any observations made by the Auditor-General or the auditor appointed under subsection (4) above on any Statement or on the accounts of the Corporation and a copy of the annual report referred to in section 17.

(6) The Menteri Besar shall cause a copy of every such statement together with a copy of any observations made by Auditor-General or the auditor appointed under subsection (4) above on any statement or on the accounts of the Corporation and a copy of the annual report referred to in section 17 to be laid on the table of the next meeting of the Legislature of the State."

12. The Principal Enactment is amended by inserting immediately after section 16 the new section 16A:

"Investiga-
accounts.

16A. (1) The Prime Minister or such Minister nominated by him or Minister of Finance may at any time direct such person as he may appoint to make an investigation of the books, accounts and transactions of a corporation.

(2) The corporation shall afford such person access to its books, accounts and documents and shall give such information as may be required by the person to conduct the investigations:

Provided that the books, accounts and documents shall not be required to be produced at such times and at such places as shall interfere with the proper conduct of the normal daily business of the Corporation."

13. Section 17 of the Principal Enactment is amended: Amendment of section 17.

(a) by substituting for the subsection (1) the following:

"The Corporation shall not later than the 30th day of June after each financial year cause to be made and transmitted to the Prime Minister or such Minister nominated by him and the Menteri Besar a report dealing with the activities of the Corporation during the preceding year;" and

(b) by substituting the words "Menteri Besar" for the words "Ruler in Council" appearing in subsection (2).

14. Section 18 of the Principal Enactment is amended: Amendment of section 18.

(a) by substituting for subsection (2) thereof the following:

"(2) Upon the winding-up of the Corporation, the assets of the Corporation shall after payment of all liabilities be disposed of in such manner as the Minister of Finance may after consulting with the State Authority determine;" and

(b) by deleting subsection (3) thereof.

15. The Principal Enactment is amended by inserting New section 19A. immediately after section 19 the new section 19A:

"19A. The Corporation shall be exempt from the payment of stamp duty under the Stamp Ordinance, 1949 by virtue of paragraph 22 of the Second Schedule of the Incorporation (State Legislatures Competency) Act, 1962."

Amendment
of section
23.

16. Section 23 of the Principal Enactment is hereby amended and replaced by the following new section 23 :

“Power to
make
regulations
and rules.

23. (1) The Corporation may, with the approval of the Minister after his consultation with the Menteri Besar make regulations for the better carrying out of the provisions of this Enactment not inconsistent with the provisions of the Second Schedule of the Incorporation (State Legislatures Competency) Act, 1962.

(2) The State Authority may make rules for any other purposes not inconsistent with the provisions of the Second Schedule of the Incorporation (State Legislatures Competency) Act, 1962.”

Passed this 1st day of December 1982.

[DUN. Sel. 30051/28 Jld. II; IPK. Sel. (S) 1677 Jld. II.]

MOHAMAD HASHIM BIN MAT AZIZ,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor.*